

250

Bilangan karton rokok seludup pelbagai jenama dirampas

11,766

Bilangan tin minuman keras tidak bercukai berjaya dirampas

BARANG rampasan dalam dua serbuan membabitkan sindiket Geng Kenny.

DIDALANGI WARGA SINGAPURA

Geng Kenny **kecundang**

PGA5 tumpas sindiket seludup arak, rokok selepas penahanan enam individu

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Kulai

Geng Kenny yang didalangi warga Singapura dan disyaki aktif dalam kegiatan penyeludupan rokok serta arak lumpuh selepas enam individu ditahan di sini, kelmarin.

Pegawai Pemerintah Batalion 5 Pasukan Gerakan Am (PGA) Simpang Renggam Superintendan Mohd

Razali Melin berkata, semua mereka yang berusia 28 hingga 60 tahun itu ditahan dalam dua serbuan di Palm Resort di sini.

Menurutnya, pihaknya berjaya merampas 1,609 botol dan 11,766 tin minuman keras tidak bercukai pelbagai jenama serta 250 karton rokok pelbagai jenama dianggarkan bernilai RM704,370 dalam serbuan pada 9.30 pagi itu.

"Hasil siasatan awal terhadap kesemua suspek ber-

kenaan mendapati sindiket itu sudah beroperasi lebih empat tahun.

"Sebelum ini, beberapa siri tangkapan sudah dilakukan terhadap sindiket terbabit namun ia masih meneruskan operasi penyeludupan sehingga kini.

"Dipercayai juga suspek lelaki warganegara Singapura yang berusia 60

tahun itu merupakan ketua atau dalang utama sindiket berkenaan.

“
Anggaran
keseluruhan nilai
rampasan
berjumlah
RM1.13 juta
Mohd Razali

"Tangkapan dan rampasan ini dipercayai berjaya memutuskan rangkaian sindiket pengedaran rokok dan arak tidak bercukai di sekitar daerah Kulai dan juga Johor Bah-

"Anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM 1.13 juta," katanya dalam kenyataannya, kelmarin.

Dalam serbuan itu, pasukan itu turut merampas wang tunai berjumlah RM102,600 dan lapan kenderaan.

Menurut Mohd Razali, kes disiasat mengikut Akta Kastam 1967 dan tangkapan serta rampasan itu diserahkan kepada pihak Ibu Pejabat Daerah (IPD) Kulai untuk tindakan lanjut.